

Headline	UNUEN, MUIS tandatangan MoU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Setempat	Page No	47
ArticleSize	60 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,696		



UNITEN, MUIS tandatangan MoU

Kajang: Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi memberi peluang kepada pelajar tahfiz memilih pengajian dalam bidang kejuruteraan di universiti itu di samping meneruskan pengajian tahfiz ke tahap lebih tinggi, semalam.

Naib Canselor UNITEN, Prof Datuk Seri Mashkuri Yaacob berkata, melalui MoU dan kerjasama strategik ini, pelajar yang mengikuti Program Tahfiz Kejuruteraan dapat membahagikan masa bagi mengimbangi tanggungjawab dalam kedua-dua bidang.

“Program berkenaan bermula pada awal 2012 mem-babitkan 22 pelajar tahfiz yang sudah bergraduasi pada Majlis Konvokesyen Darul Quran JAKIM kali ke-22 pada Julai lalu dengan 15 pelajar memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif cemerlang iaitu 3.5 ke atas.

“Pelajar berkenaan kini me-lanjutkan pengajian dalam lja-zah Sarjana Muda Kejurute-raan Mekanikal dan Kejuru-teraaan Awam di bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat (MA-RA),” katanya.